

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

### Pertumbuhan KDNK suku kedua dijangka perlahan

# Pertumbuhan KDNK suku kedua dijangka perlahan



**Ketidaktentuan global beri kesan prestasi antara 3.7 hingga 4.3 peratus**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Ketidaktentuan** ekonomi global berterusan dilihat memberi impak kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka berkembang lebih perlahan pada suku kedua kepada jajaran sekitar 3.7 hingga 4.3 peratus.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UnikL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata jangkaan itu berlandaskan perkembangan ekonomi dalam tempoh dikaji dipengaruhi oleh penyederhanaan dan penguncupan merentas semua sektor ekonomi.

"Pertumbuhan ekonomi negara dijangka berkembang lebih perlahan berbanding 5.6 peratus yang dicatatkan pada suku pertama tahun ini."

"Jangkaan KDNK sederhana ini antaranya disebabkan sektor perkilangan yang lembap berikut penguncupan eksport, yang

terjejas oleh aliran perdagangan lembap dan pertumbuhan global dunia yang merosot," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Aimi Zulhazmi berkata, kelembapan ekonomi China dan penurunan permintaan daripada rakan perdagangan utama di Eropah dan Amerika Syarikat (AS) juga dilihat mempengaruhi prestasi ekonomi suku kedua Malaysia.

"Penguncupan eksport China yang juga rakan dagang terbesar Malaysia untuk 11 tahun berturut-turut, memberi



Aimi Zulhazmi

kesan besar kepada Malaysia yang menjadi sebahagian daripada rantai global dunia untuk pelbagai industri pembuatan seperti elektrik dan elektronik (E&E). "Justeru, jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan pada suku kedua 2023, memandangkan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan.

"Dalam enam bulan pertama tahun ini, prestasi perdagangan menunjukkan tanda-tanda kererosotan, dengan eksport dan import masing-masing menurun sebanyak 4.5 peratus dan 4.7 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu," katanya.

Menambah lagi cabaran, ka-

tanya harga eksport komoditi yang lebih rendah menjadikan prestasi perdagangan negara.

"Kesan asas daripada lonjakan tahun sebelumnya berikutan perang Russia-Ukraine sudah bermula, membawa kepada penguncupan dalam eksport dan import.

Kejatuhan harga minyak Brent pada Jun menjadikan eksport produk berkaitan minyak dan gas (O&G) dengan ketara.

"Sektor perdagangan juga terjejas, dengan eksport minyak sawit dan produk berbasiskan minyak sawit merosot sebanyak 42.1 peratus pada Jun berbanding tempoh yang sama tahun lalu," katanya.

#### Catatan lebih lanjut

Aimi Zulhazmi berkata, walaupun eksport negara menurun, secara keseluruhan perdagangan negara masih mencatatkan lebihan dagangan.

"Ekonomi seterusnya untuk 2023 akan didorong ekonomi domestik yang terus berkembang, terutama oleh sektor pengguna yang masih kukuh."

"Bagaimanapun kelestariannya bergantung pada pertambahan pendapatan, kedapatan aliran tunai yang murah dan kawalan ke-

atas kadar inflasi yang mana akan meningkatkan pendapatan boleh guna.

"Walaupun imbangan perdagangan suku kedua lemah, jangkaan kemasukan pelancang asing pada dua suku terakhir tahun ini sebahagiannya mengimbangi kesan melalui peningkatan aliran masuk mata wang asing," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, unjuruan pertumbuhan KDNK setahun penuh bagi 2023 kekal antara 4 hingga 5 peratus.

"Trajektori pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal disokong permintaan domestik teguh, walaupun sektor perdagangan luar negara dijangka terus lembap," katanya.

Penganalisis ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latif, pula berkata ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 3.7 peratus pada suku kedua.

"Unjuruan lebih sederhana ini disebabkan permintaan global semakin menurun. Walaupun nilai eksport ada peningkatan, peratusan peningkatan lebih perlahan daripada suku pertama."

"Sasaran 4.5 peratus untuk setahun penuh tetap boleh dicapai kerana indikator makro ekonomi setakat ini masih positif seperti nilai akaun semasa dan imbangan dagangan kekal positif, manakala inflasi dan pengangguran adalah rendah," katanya.